

For immediate release

MEDIA STATEMENT

IDEAS congratulates the appointment of Malaysia's 10th Prime Minister, urges the new government to uphold integrity and restore public trust towards key democratic institutions

Kuala Lumpur, 24 November 2022: The Institute for Democracy and Economic Affairs (IDEAS) extends its congratulations to the 10th Malaysian Prime Minister Dato' Seri Anwar Ibrahim, and to all fellow citizens who voluntarily came out to vote during the 15th General Election (GE15), contributing to above 70% of voter turnout. With the formation of the new government finally in place, the Institute for Democracy and Economic Affairs (IDEAS) urges the new government to uphold integrity and restore public trust towards key democratic institutions. IDEAS also expresses gratitude to the Yang di-Pertuan Agong for displaying wisdom while steering the course of this process of forming government over the last week.

Among the immediate priorities of the government will be to assure the public and investors alike of political stability, in that all supporting coalition members agree to this government serving its full term of five years. IDEAS CEO Dr Tricia Yeoh states, "IDEAS congratulates Dato' Seri Anwar Ibrahim on the appointment of his position as Malaysia's 10th Prime Minister. However, we stress the importance of assuring the public that this arrangement is here to stay for its full term in office, with a built-in mechanism within the coalition agreement to confirm as such. The political instability of the past two and a half years must be quickly reversed if we are to plan for rapid economic recovery."

Among the economic priorities that must be given urgent attention include managing inflation rates, strengthening the Ringgit, improving social safety nets, providing targeted assistance to lower income groups and management of public debt in line with the respective electoral manifestos. Dr Yeoh expressed, "While Malaysia has partially recovered from the economic lockdowns of the last few years, there is a widely expected economic recession in 2023 and the country's leadership must be prepared to steer us steadily in the right direction to withstand any economic shocks in the coming months. On this note, the new government must table Budget 2023 before the end of this year as an immediate action to ensure expenditure is provided for the following fiscal year."

Given that institutional reforms featured prominently within the PH Manifesto, IDEAS is hopeful that the government's priorities on this front will include the Political Financing Act, Constituency Development Funds Act, proceeding with Fiscal Responsibility Act, reintroducing the Parliament Services Act, further advance the role of Parliament Special Select Committees, reviewing the Parliamentary Standing Orders, and separating Public Prosecutor Office from the Attorney General Chambers among others. In the medium term, enhancing electoral reforms, advocating greater voter political literacy and realising policy commitments on the Malaysia Agreement 1963 will continue to be crucial.

Given the many coalitions that form the new government, IDEAS proposes that this government keeps a much leaner Cabinet composition, perform strict and regular due diligence upon its ministerial portfolios, as well as refrain from committing excessive political appointments onto government link companies (GLCs) or federal statutory bodies (FSBs) as a way to reward political support.

Dr Yeoh added, "The GE15 campaign saw numerous unnecessary offensive remarks along the lines of race and religion. The new government made up of political parties of varied ideologies and inclinations will now have to play a crucial role in addressing the fissures in Malaysian society caused by polarisation. Building an inclusive society takes tremendous effort, and it will need great clarity and wisdom in navigating these rocky waters. IDEAS looks forward to working with the new government to heal the nation together, alongside other interest groups representing all backgrounds."

IDEAS Founding President Tunku Zain Al-'Abidin Tuanku Muhriz concluded, "As per the titah of SPB DYMM YDPA, '*Yang menang tidak menang semua dan yang kalah tidak kalah semua*'. IDEAS looks forward to engaging with ministers and MPs from all parties, as we have always done through our advisory councils, and now through the Parliamentary Select Committees and APPGs for the sake of our beloved Malaysia. As the first Yang di-Pertuan Agong stated when opening the Malayan Parliament in 1959, 'May Parliament win and keep the respect and regard of all... it is our expectation that Honourable Members will fight their battles on the best of terms and in a spirit of goodwill for one another.'"

--- END ---

For enquiries, please contact:

Halmie Azrie Abdul Halim
Executive, Democracy and Governance
halmie@ideas.org.my

Louis Denis
Manager, External Relations
louis@ideas.org.my

About IDEAS

The Institute for Democracy and Economic Affairs (IDEAS) is a nonprofit research institute, dedicated to promoting solutions to public policy challenges, focussing on three overarching missions – advancing a competitive economy, ensuring trust in institutions and promoting an inclusive Malaysia. IDEAS is Malaysia's first independent think tank, free of personal interests and partisan influences. For more information, visit www.ideas.org.my.

Untuk siaran segera

KENYATAAN MEDIA

IDEAS ucap tahniah atas pelantikan Perdana Menteri ke-10 Malaysia, gesa kerajaan baharu tegakkan integriti dan kembalikan keyakinan awam terhadap institusi penting demokrasi

Kuala Lumpur, 24 November 2022: Institut Demokrasi dan Hal Ehwal Ekonomi (IDEAS) mengucapkan tahniah kepada Perdana Menteri ke-10 Malaysia Dato' Seri Anwar Ibrahim, dan kepada seluruh rakyat Malaysia yang telah keluar mengundi ketika Pilihan Raya Umum ke-15 (PRU15), menyumbang kepada lebih 70% peratusan keluar mengundi. Dengan terbentuknya kerajaan baharu ini, Institut Demokrasi dan Hal Ehwal Ekonomi (IDEAS) menggesa kerajaan baharu untuk menegakkan integriti dan mengembalikan keyakinan awam terhadap institusi-institusi penting demokrasi. IDEAS juga menjunjung kasih DYMM Yang di-Pertuan Agong kerana mempamerkan kebijaksanaan ketika mengemudi proses pembentukan kerajaan ini sepanjang minggu lalu.

Antara keutamaan segera pihak kerajaan adalah untuk meyakinkan rakyat dan para pelabur akan kestabilan politik, iaitu semua ahli parti gabungan yang menyokong bersetuju untuk kerajaan ini berkhidmat selama lima tahun penuh. Ketua Pegawai Eksekutif IDEAS, Dr Tricia Yeoh mengulas, "IDEAS mengucapkan tahniah kepada Dato' Seri Anwar Ibrahim atas pelantikannya sebagai Perdana Menteri Malaysia ke-10. Namun, kami ingin menekankan kepentingan memberi jaminan kepada rakyat bahawa aturan ini akan kekal sepanjang tempoh memegang jawatan, dengan satu mekanisme yang terbina dalam perjanjian parti gabungan untuk mengesahkan hal tersebut. Ketidakstabilan politik selama dua setengah tahun yang lalu harus segera dibalikkan jika kita ingin merancang pemulihan ekonomi yang pesat."

Antara keutamaan ekonomi yang perlu diberi perhatian segera termasuk menguruskan kadar inflasi, mengukuhkan Ringgit, meningkatkan jaringan keselamatan sosial, menyediakan bantuan bersasar kepada kumpulan berpendapatan rendah serta pengurusan hutang awam selaras dengan manifesto pilihan raya masing-masing. Dr Yeoh berkata, "Walaupun Malaysia sebahagiannya telah pulih daripada sekatan ekonomi sejak beberapa tahun belakangan ini, dijangkakan akan berlaku kemelesetan ekonomi pada tahun 2023 dan kepimpinan negara harus bersedia untuk mengemudi negara ke arah yang betul untuk menahan sebarang kejutan ekonomi dalam beberapa bulan akan datang. Sehubungan dengan itu, kerajaan baharu perlu membentangkan Belanjawan 2023 sebelum akhir tahun ini sebagai tindakan segera bagi memastikan perbelanjaan disediakan untuk tahun fiskal akan datang.

Memandangkan pembaharuan institusi telah ditonjolkan dengan ketara di dalam Manifesto PH, IDEAS berharap keutamaan kerajaan dalam perkara ini akan termasuk antaranya Akta Pendanaan Politik, Akta Peruntukan Pembangunan Kawasan, meneruskan Akta Tanggungjawab Fiskal, memperkenalkan semula AKta Perkhidmatan Parlimen, memajukan lagi Jawatankuasa Pilihan Khas Parlimen, menyemak Peraturan Majlis Mesyuarat, serta memisahkan Pejabat Pendakwa Raya daripada Jabatan Peguam Negara. Dalam jangka masa sederhana, mempertingkat pembaharuan pilihan raya, mempertingkat kadar celik politik pengundi dan merealisasikan komitmen dasar mengenai Perjanjian Malaysia 1963 akan kekal menjadi penting.

Memandangkan banyak gabungan yang membentuk kerajaan baharu, IDEAS mencadangkan agar kerajaan ini mengekalkan komposisi Kabinet yang lebih kecil, melaksanakan usaha wajar yang ketat dan tetap terhadap portfolio menterinya, serta mengelak daripada melakukan pelantikan politik yang berlebihan kepada syarikat berkaitan kerajaan (GLC) atau badan berkanun persekutuan (FSB) sebagai cara untuk memberi ganjaran kepada sokongan politik.

Dr Yeoh menambah, "Kempen PRU15 menyaksikan banyak kenyataan yang menyinggung garis kaum dan agama. Kerajaan baharu yang terdiri daripada parti politik pelbagai ideologi dan kecenderungan kini perlu memainkan peranan penting dalam menangani keretakan dalam masyarakat Malaysia disebabkan polarisasi. Membina sebuah masyarakat yang terangkum memerlukan usaha yang kuat, dan ia memerlukan kejelasan dan kebijaksanaan yang besar dalam mengharungi lautan bergelora ini. IDEAS berharap dapat bekerjasama dengan kerajaan baharu untuk bersama-sama memulihkan negara, bersama kumpulan berkepentingan lain yang mewakili semua latar belakang.

Presiden Pengasas IDEAS Tunku Zain Al-'Abidin Tuanku Muhriz menyimpulkan, "Sebagaimana titah Seri Paduka Baginda Duli Yang Maha Mulia Yang di-Pertuan Agong, 'Yang menang tidak menang semua dan yang kalah tidak kalah semua'. IDEAS berharap untuk melibatkan diri dengan para menteri dan Ahli Parlimen daripada semua parti, seperti yang selalu kami lakukan melalui majlis penasihat kami, dan kini melalui Jawatankuasa Pilihan Khas Parlimen dan Kumpulan Rentas Parti Parlimen Malaysia (KRPPM) demi Malaysia tercinta. Sebagaimana yang dinyatakan oleh Yang di-Pertuan Agong pertama ketika merasmikan Parlimen Malaya pada tahun 1959, 'Semoga Parlimen menang dan mengekalkan penghormatan semua...adalah jangkaan kami bahawa Ahli-ahli Yang Berhormat akan berjuang dengan semangat yang terbaik dan rasa muhibah antara satu sama lain.'"

--- TAMAT ---

Untuk pertanyaan, sila hubungi:

Halmie Azrie Abdul Halim
Eksekutif, Demokrasi dan Tadbir Urus
halmie@ideas.org.my

Louis Denis
Pengurus Perhubungan Luar
louis@ideas.org.my

Tentang IDEAS

Institut Demokrasi dan Hal Ehwal Ekonomi (IDEAS) merupakan sebuah institut penyelidikan bukan berdasarkan keuntungan, mengkhususkan kepada mempromosikan penyelesaian terhadap cabaran dasar awam, menumpukan kepada tiga misi menyeluruh - memajukan sebuah ekonomi yang berdaya saing, memastikan keyakinan dalam institusi, dan mempromosikan sebuah negara Malaysia yang merangkumi semua. IDEAS merupakan badan pemikir bebas pertama Malaysia, tanpa kepentingan peribadi serta pengaruh berpihak. Untuk maklumat lanjut, lawati www.ideas.org.my.